Malaysia menuju ke &ah negara bebas

trip overseas U.M. 18 FEB 1993

KARACHI 17 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir berkata hari ini Malaysia sedang menuju ke arah menjadi negara bebas, kuat dan kukuh ekonominya tanpa bergantung kepada bantuan negara besar.

Dalam mencapai matlamat ini, katanya. Malaysia tidak akan mcnjalin hubungan rapat dengan negara-negara yang menindas.

"Sebab itulah kita tidak segan silu untuk mengkritik Amerika atau negara-negara lain jika tindaknn mereka tidak betul," katanya kepada kira-kira 250 pelajar Malaysia pada majlis pertemuan mesra dengan mereka di Hotel Pearl Continental, di sini.

Mcnurutnya, pengalaman yang dilalui oleh beberapa negara tcrmasuk Pakistan adalah pengajaran yang nyata tentang sikap tidak ikhlas negara-negara barat dalam beri bantuan.

Katanya, Amerika Syarikat pernah menjual minyak kacang soya dengan harga yang'murah kepada Pakistan, tetapi akhirnya harga dinaikkan supaya Pakistan tunduk kepada mereka.

Pcrdana Menteri menyeru para pelajar di luar negara supaya berazam dan berusnhn kuat untuk menyambung tugas memajukan negara yang diasaskan oleh pemimpin-pemimpin yang lalu.

Katnnya, Malaysia kini dihormati oleh negara-negara lain kerana ekonominya scmakin kukuh.

Mcnurutnya, pertumbuhnn ekonomi Malaysia sebanyak lapan peratus tahun lalu adalah kedun terbnik di dunia selepas China.

"Hanya dengan memperkukuhkan diri scndiri dalam scgenap bidang, Malaysia akan menjadi bebas, kuat dan kukuh supaya tidak ditindas oleh orang lain," katanya.

Perdana Menteri dan isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali mcnghabiskan masa dua jam untuk beramah mesra dengan pelajar-pelajar itu.

Beliau juga menerangkan kepada mereka latar belakang pindaan perlembagaan mengenai imuniti raja-raja dan hasil lawatannya ke Pakistan.

Katanya, kerajaan Pakistan hersctuju untuk menambah 30 tempat lagi bagi pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di bidang perubatan di negara itu.

Perdana Menteri mengakhiri lawatan empat hari kc Pakistan hariini. Beliau berlepas pulang ke Malaysia malam ini. — *Utusan.*